

Bil. S 67

**AKTA EJEN-EJEN PELANCONGAN
(PENGAL 103)**

**PERATURAN-PERATURAN
EJEN-EJEN PELANCONGAN (PINDAAN), 2013**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
 2. Pemansuhan peraturan 2.
 3. Pindaan Jadual Pertama.
 4. Pindaan Peraturan-Peraturan utama.
-

**AKTA EJEN-EJEN PELANCONGAN
(PENGGAJAL 103)**

**PERATURAN-PERATURAN
EJEN-EJEN PELANCONGAN (PINDAAN), 2013**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 26(1) dari Akta Ejen-Ejen Pelancongan, maka Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Ejen-Ejen Pelancongan (Pindaan), 2013 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Akta Ejen-Ejen Pelancongan (Pindaan), 2012.

Pemansuhan peraturan 2.

2. Peraturan 2 dari Peraturan-Peraturan Ejen-Ejen Pelancongan, dalam Peraturan-Peraturan ini disebut sebagai Peraturan-Peraturan utama, adalah dimansuhkan.

Pindaan Jadual Pertama.

3. Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memotong “Pengarah, Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei” dari baris akhir kedua, ketiga dan keempat dan menggantikannya dengan “Pihak Berkuasa”.

Pindaan Peraturan-Peraturan utama.

4. Peraturan-Peraturan utama adalah dipinda dengan memotong “Lembaga” di mana sahaja perkataan itu terdapat dan menggantikannya dengan “Pihak Berkuasa”.

Diperbuat pada hari ini 23 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 31 haribulan Ogos, 2013.

**DAYANG HAJAH NORMAH SURIA HAYATI BINTI PEHIN JAWATAN
DALAM SERI MAHARAJA DATO SERI UTAMA (DR)
HAJI AWANG MOHD JAMIL AL-SUFRI
Setiausaha Tetap,
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,
Negara Brunei Darussalam.**